

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 05 MEI 2005, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 68-100162
Datuk Haji Roslan bin Awang Chik minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa ramaikah kontraktor yang telah memperolehi konsesi di bawah projek penswastaaan penyelenggaraan jalan dan apakah masalahnya.
2. 37-100541
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk mencegah orang ramai daripada tertipu dengan pelbagai "gimmick" jualan yang ditawarkan oleh syarikat makanan "health food". Apakah terdapat garis panduan yang khusus yang mengawal aktiviti pengiklanan di TV dan media cetak mengenai ubat-ubatan dan makanan "health food".
3. 67-100091
Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk Pelan Integriti Nasional yang akan dilaksanakan kelak, apakah pelan ini akan menekankan aspek pembangunan kewarganegaraan cemerlang di kalangan setiap rakyat kerana ia adalah teras kepada kejayaan konsep integriti itu sendiri dalam menjadikan Malaysia menuju ke arah sebuah negara maju.
4. 33-100413
Datuk Kalakau @ Kalakan bin Untol minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian untuk memperketatkan kawalan keselamatan di laluan perairan negara terutamanya di Selat Melaka dan Laut Sulu daripada serangan lanun serta penganas.

5. 15-100430
Che Puan Sri Kelana D'Raja Datin (Dr.) Hajjah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah tindakan untuk memastikan agar nisbah pelajar lelaki dan perempuan seimbang di mana psikologi ada menyatakan bahawa penuntut lelaki cergas dari psycho moto. Bagaimanakah Kerajaan hendak meramaikan lagi penuntut-penuntut lelaki belajar hingga ke peringkat menara gading.
6. 49-100560
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kesan terhadap industri kewangan dan hartanah apabila pihak bank melelong pinjaman hartanah yang tidak berbayar pada kadar 50% lebih rendah daripada harga pasaran berikutan dengan garis panduan bagi "Property Collateral NPL" yang dikeluarkan oleh Bank Negara.
7. 70-100203
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah Kementerian bercadang untuk menyebarkan maklumat mengenai gempa bumi kepada orang ramai dengan menggunakan khidmat Sistem Pesanan Ringkas (SMS) di masa akan datang kerana khidmat SMS dikatakan kaedah paling berkesan.
8. 47-100315
Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan bilangan makmal komputer yang telah beroperasi sepenuhnya di seluruh negara.
9. 58-100132
Datuk Hajjah Dayang Mahani binti Tun Pengiran Haji Ahmad Raffae minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa banyak pencabulan yang telah dibuat di perbatasan oleh penduduk-penduduk di Pulau Sebatik sama ada melalui tindakan melintasi sempadan mahu pun menggunakan setengah-tengah kawasan untuk hasil pendapatan mereka, apa pula tindakan Kerajaan untuk menentukan pencerobahan ini tidak berterusan dan apa rancangan untuk meningkatkan kemudahan dan pembangunan di kawasan Malaysia di pulau tersebut.
10. 61-100469
Datuk Jins Shamsudin minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan tentang pemenang perlumbaan Le Tour de Langkawi yang telah melakukan perlakuan kurang sopan kepada Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong semasa baginda menyampaikan hadiah dengan meletakkan topinya ke atas kepala Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Apa pandangan pihak Kementerian dan apakah langkah-langkah yang akan dan telah diambil supaya perkara ini tidak berulang di masa akan datang.

11. 43-100031
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk membangunkan sebuah Hospital Daerah di Seremban memandangkan di kawasan tersebut tidak mempunyai Hospital Daerah.
12. 59-100178
Tuan Tay Puay Chuan minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes ragut beg tangan yang dilaporkan pada tahun 2004 dan berapakah jumlah kes tersebut yang dapat diselesaikan dengan peragutnya dihadapkan ke muka pengadilan.
13. 62-100127
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengambil lebih ramai lagi remaja lepasan SPM untuk mengikuti Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) memandangkan sambutan yang berkesan daripada para peserta dan ibu bapa.
14. 53-100194
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan:-
 - (a) memandangkan negara kini menuju ke arah negara maju di arena global berapakah peratus rakyat Malaysia yang mempunyai rumah sendiri dan jumlah yang masih diklasifikasikan dalam golongan setinggan; dan
 - (b) apakah cadangan dan tindakan yang telah diambil oleh Kerajaan bagi memastikan negara kita bebas dari masalah setinggan.
15. 30-100528
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan mengenai kemalangan yang membabitkan kematian 2 orang guru ketika menghantar pelajar-pelajar menyertai program sukan di Stadium Bandar Penawar, Kota Tinggi pada 2 Mac lalu. Adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada sekolah-sekolah.
16. 20-100090
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan:-
 - (a) bilakah program perbekalan "Solar Hybrid System" secara 24 jam dapat dilaksanakan di Perkampungan Orang Asli yang telah dikenal pasti; dan
 - (b) negeri dan kampung manakah yang telah dikenal pasti serta kosnya.

17. 66-100243
Tuan Hii Tiong Kuoh minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan Bintulu akan dibangunkan sebagai Bandaraya Muhibah dan Perindustrian menjelang tahun 2020. Selain daripada perancangan pembangunan dan juga perindustrian adakah usaha Kementerian untuk mengawal selia pencemaran alam sekitar yang mungkin akan berlaku.
18. 27-100474
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sejauh manakah tindakan yang telah diambil pihak Kementerian untuk menambah jumlah anggota-anggota penguatkuasa di bawah Kementeriannya agar dapat melakukan tugas penguatkuasaan dengan lebih berkesan lagi memandangkan tugas mereka dewasa ini semakin berat dan mencabar.
19. 22-100255
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan perkembangan di atas usaha-usaha Kerajaan mengalakkan integrasi di antara penuntut-penuntut di universiti-universiti awam contohnya seperti dua orang kaum yang berbeza tinggal bersama dalam satu bilik dan sebagainya.
20. 50-100517
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan sejauh manakah potensi keberkesanan kelas JQAF yang baru dirintiskan Kementerian di dalam meningkatkan pemahaman pelajar-pelajar Islam terhadap agama dan Al-Quran dan apakah strategi Kementerian di dalam menangani masalah beban kelas JQAF yang terpaksa dihabiskan pada jam 2.20 petang (bagi sesi pagi) sedangkan sekolah agama bermula pada jam 2.30 petang. Apakah perlu ada lagi sekolah agama ini.
21. 17-100400
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kelebihan dan kelemahan pengajaran dan pembelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Cina serta Sekolah Menengah dan langkah-langkah yang telah diambil dan akan diambil untuk menangani kelemahan yang didapati.
22. 7-100221
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan berapa banyakkah lesen pengendalian stesen minyak yang telah dikeluarkan di antara tahun 2003 dan 2004. Daripada jumlah lesen baru yang telah diluluskan ini apakah pecahan mengikut kaum.

23. 25-100354
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian ini untuk membina sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan (C) dan (1) dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Berapa buah sekolahkah yang akan dibina dan dipindah.
24. 19-100368
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah jenis tindakan yang akan diambil oleh Kementerian terhadap masalah-masalah seperti kawasan hitam yang terdapat di beberapa kawasan di Cheras misalnya di Jalan San Peng yang terkenal dengan dadah, samseng dan ragut dan juga masalah penduduk yang suka hidup secara berpuak-puak seperti di beberapa kawasan rumah PPR yang dibahagikan mengikut kaum memandangkan perkara ini jika berterusan akan mengakibatkan integrasi antara kaum terhapus.
25. 42-100060
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tahap kesediaan Jabatan Bomba dan Penyelamat dalam menghadapi kebakaran di loji penapis minyak bagi menangani sebarang keadaan kecemasan.
26. 38-100372
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan jumlah ibu tunggal di negara ini dan peratusan mengikut kaum.
27. 65-100055
Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha-usaha menyelesaikan masalah pertindihan kawasan cari gali minyak dengan Indonesia di Laut Sulawesi.
28. 17-100397
Tuan Lee Sing Chooi minta **PERDANA MENTERI** menyatakan hasil penyelidikan dan tindakan Jawatankuasa Kabinet Untuk Mengkaji Impak Kenaikan Harga Produk Petroleum Ke Atas Ekonomi Negara dan di manakah Malaysia mendapat keuntungan atau kerugian dan adakah kerugian melebihi keuntungan dalam kenaikan harga minyak baru-baru ini.
29. 39-100456
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan drastik yang akan dilaksanakan oleh pihak berkuasa Maritim dalam mengawal dan membanteras jenayah lanun di perairan Malaysia dan apakah jaminan yang diberikan agar ianya dapat memberi keyakinan para nelayan serta pengusaha-pengusaha industri pelancongan dalam menjalankan aktiviti harian mereka.

30. 45-100289
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan kesan-kesan ke atas pasaran produk makanan ekoran pemededahan isu sosej bercampur usus babi baru-baru ini.
31. 54-100042
Dato' Sri Empiang Jabu minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan berapakah penerima bantuan PTPTN dari Sarawak dan peratusan yang tidak dapat membayar balik pinjaman tersebut.
32. 60-100339
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan apakah tindakan tidak boleh diambil terhadap hotel bertaraf empat dan lima bintang kerana kemudahan yang tidak memuaskan hati. Contohnya saluran TV yang kurang, gambar yang tidak terang, kelengkapan toileteris yang ala kadar, tuala mandi yang nipis, mini bar yang kosong dan sebagainya. Dan apakah ada cadangan supaya 'massage center' di hotel-hotel ditutup kerana ia hanya menggalakkan maksiat.
33. 37-100544
Dato' Sri Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil untuk meningkatkan penyertaan unit-unit amanah di dalam pelaburan di Bursa Saham Malaysia dan apakah prestasi unit-unit amanah ini membawa pulangan yang memuaskan untuk para pelabur.
34. 18-100487
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan dengan keadaan ekonomi global yang semakin menurun, apakah unjuran oleh Bank Negara berkaitan pertumbuhan negara pada kadar 5% bagi tahun 2005 akan tercapai memandangkan Malaysia adalah sebuah negara perdagangan yang banyak bergantung kepada perdagangan luar.
35. 57-100138
Tuan Tan Bon You minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk memastikan pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran Matematik dan Sains dalam Bahasa Inggeris (PPSMI) berjalan dengan berkesan di sekolah dan adakah Kementerian bercadang menyediakan satu kolej khas untuk memberi latihan khusus kepada guru-guru PPSMI.

36. 41-100262
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tentang kelulusan penyenaiaan syarikat ke Bursa Saham Malaysia patut diperketatkan lagi, khususnya Papan Kedua. Syarikat yang disenaraikan pada tahun 2000 hingga sekarang:-
- (a) berapakah syarikat yang harganya kurang daripada harga penyenaiaan dan berapakah syarikat yang harganya kurang daripada 40% ke atas harga penyenaiaan; dan
 - (b) apakah kawalan ke atas syarikat yang menghadapi kerugian besar.
37. 44-100280
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) sejak Pusat Serenti ditubuhkan dan mula beroperasi, berapa ramai penagih telah menyertai program pemulihan serta berapa ramai yang berjaya dipulihkan; dan
 - (b) bilangan Pusat Pemulihan di bawah kelolaan pihak swasta yang berdaftar mengikut negeri dan bilangan penagih yang menyertai program pemulihan berjaya dipulihkan.
38. 7-100210
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah penagih dadah mengikut kaum di negara ini. Mengapakah langkah yang diambil setakat ini tidak berjaya dan apakah langkah-langkah baru Kerajaan untuk menangani gejala sosial ini.
39. 52-100571
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah wakil Kerajaan dijemput untuk duduk di dalam mesyuarat tender yang dikelolakan oleh Syarikat Petroleum Nasional iaitu Petronas.
40. 45-100301
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan kesan-kesan ekonomi dan budaya akibat peningkatan kemasukan pelancong sebanyak 3.9 peratus sepanjang Februari tahun ini berbanding tempoh yang sama tahun lalu.
41. 48-100004
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan perlukah dasar luar negara terhadap Indonesia dikaji semula memandangkan masih terdapat begitu banyak masalah seperti tuntutan dan tunjuk-perasaan daripada negara itu sungguhpun perhubungan dua hala dikatakan baik dan Malaysia telah banyak membantu seperti dalam menangani masalah Tsunami di Aceh baru-baru ini dan memberikan pekerjaan kepada rakyatnya.

42. 53-100187
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
- (a) memandangkan Kerajaan kini sedang memberikan tumpuan yang serius kepada pembangunan belia terutama dalam industri kecil dan sederhana apakah pecahan pengusaha bumiputera dan bukan bumiputera yang masih aktif dan apakah punca-punca yang dikenal pasti yang menyebabkan segelintir golongan pengusaha-pengusaha ini gagal atau tidak berjaya meneruskan industri mereka; dan
 - (b) apakah langkah-langkah yang diambil bagi menerangkan bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi membantu pengusaha-pengusaha ini, dan adakah cara ini berhasil.
43. 39-100454
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah-langkah keselamatan dan kaedah pengawalan yang wajar diambil dalam mengatasi ketelusan pihak berkuasa supaya penyeludupan senjata api dapat dibanteras dengan berkesan kerana kebanyakan berlakunya kes-kes jenayah di negara ini adalah melibatkan penggunaan senjata api dan semakin membimbangkan.
44. 20-100113
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) pelan tindakan yang dirancang dan akan dilaksanakan untuk mengatasi beban tugas guru; dan
 - (b) apakah aspek-aspek baru yang diberi penekanan serta jumlah staff yang dijangkakan terlibat.
45. 22-100256
Dato' Dr. Vijyaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak penguatkuasaan Kerajaan-kerajaan Tempatan untuk memantau projek-projek pembangunan agar tidak memusnahkan alam sekitar.
46. 8-100498
Tuan Saravanana a/l Murugan minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian bagi memantau pemborong atau peniaga yang menaikkan harga barangan sewenang-wenangnya.

47. 62-100150
Datuk Hajah Azizah binti Abd Samad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menambahkan lagi pengusaha-pengusaha yang menyediakan khidmat pusat jagaan kanak-kanak di tempat kerja masing-masing.
48. 70-100184
Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah lawatan YAB. Perdana Menteri ke Australia selepas lebih 20 tahun lawatan sebelumnya pada tahun 1984 akan kembali merapatkan hubungan akrab kedua negara walaupun Australia lebih berminat menyuarakan pendapat Amerika Syarikat daripada memberi tumpuan kepada rantau Asia.
49. 19-100350
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah perancangan dan strategi Jabatan Penjara Malaysia bagi menangani masalah kesesakan dalam penjara-penjara di seluruh negara memandangkan terdapat seramai 38,000 banduan yang menghuni 38 buah penjara di Malaysia.
50. 60-100401
Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan berapa banyakkah sumbangan sektor pelancongan kepada ekonomi negara kerana Kementerian telah membelanjakan sebanyak RM400 juta untuk iklan-iklan berkaitan pelancongan. Berapakah jumlah pelancong luar negara yang masuk ke Malaysia pada tahun 2004 dan apakah ini menunjukkan peningkatan yang signifikan selepas perbelanjaan pengiklanan tersebut.
51. 46-100324
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah bentuk kajian yang telah dibuat bagi menyangkal kebimbangan cendekiawan Melayu dalam satu kongres yang diadakan baru-baru ini berkaitan keberkesanan pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris.
52. 69-100342
Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan syarat-syarat untuk pihak swasta dalam melaksanakan kem PLKN dan adakah pihak Kementerian mempunyai kuasa dalam menentukan tender-tender dalam Kem PLKN tersebut, contohnya seperti membekal makanan atau perkhidmatan dobi. Ini adalah kerana dikhuatiri jika kewujudan kem tersebut di kawasan tertentu tidak membawa faedah kepada masyarakat setempat dan menimbulkan kemarahan terhadap Kerajaan.

53. 9-100515

Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan apakah status perjanjian perletakan senjata dan pembubaran PKM di Haatyai pada tahun 1989 dan adakah ia masih berkuatkuasa dan diguna pakai hingga ke hari ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. **Usul dibuat oleh Dato' Hamzah bin Zainudin dan masalah dicadangkan:-**

“Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya:-

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbanyak-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Kesebelas.”

Menyambung semula Perbahasan atas masalah [4 Mei 2005]

- | | | | |
|----|----------------|--|-----------------------------------|
| 2. | (D.R. 1/2005) | Rang Undang-undang Kawalan
Pertukaran Wang (Pindaan) 2005 | Bacaan Kali
Yang Kedua |
| 3. | (D.R. 5/2005) | Rang Undang-undang Kesalahan-
kesalahan Penerbangan (Pindaan)
2005 | “ |
| 4. | (D.R. 3/2005) | Rang Undang-undang Angkatan
Tentera (Pindaan) 2005 | “ |
| 5. | (D.R. 28/2004) | Rang Undang-undang Konvensyen
Senjata Kimia 2004 | “ |
| 6. | (D.R. 7/2005) | Rang Undang-undang Perbekalan
Tambahan (2004) 2005 | “ |
| 7. | (D.R. 6/2005) | Rang Undang-undang Ahli Parlimen
(Saraan) (Pindaan) 2005 | “ |
| 8. | (D.R. 2/2005) | Rang Undang-undang Pelaburan
Kerajaan (Pindaan) 2005 | “ |

RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

<u>TAHUN 2005</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST.33	Penyata Keluaran Wang Daripada Simpanan Luar Jangka 1 Ogos 2004 hingga 31 Disember 2004 Menurut Seksyen 6(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan, 1966.	4 Mei 2005
ST.40	Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia Bagi Tahun 2004.	5 Mei 2005
ST.71	Laporan Tahunan Insurans Tahun 2004.	5 Mei 2005
ST.72	Laporan Tahunan Takaful Tahun 2004.	5 Mei 2005
CMD.14	Penyata Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2004.	4 Mei 2005
CMD.14A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Mengurus Tambahan Kedua, 2004 Bagi Kerajaan Malaysia.	4 Mei 2005
CMD.15	Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Tambahan)(Bil.2) Tahun 2004.	4 Mei 2005
CMD.15A	Memorandum Perbendaharaan Mengenai Anggaran Perbelanjaan Pembangunan Tambahan Kedua, 2004.	4 Mei 2005
CMD.16	Penyata Keluaran Wang Daripada Kumpulan Wang Luar Jangka Bagi Tempoh 31 Julai 2004 hingga 31 Disember 2004 Menurut Peraturan 68 Di Bawah Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat.	4 Mei 2005